

KURSI KEPEMIMPINAN ISLAM
TUAN GURU HAJI MOHD YASSIN BIN MUHAMMAD

**MEMUPUK INSAN
SEIMBANG
CABARAN
KEPEMIMPINAN**

DZULKIFLI ABDUL RAZAK



KURSI KEPEMIMPINAN ISLAM
TUAN GURU HAJI MOHD YASSIN BIN MUHAMMAD

**MEMUPUK INSAN
SEIMBANG
CABARAN
KEPEMIMPINAN**

KURSI KEPEMIMPINAN ISLAM
TUAN GURU HAJI MOHD YASSIN BIN MUHAMMAD

**MEMUPUK INSAN
SEIMBANG
CABARAN
KEPEMIMPINAN**

Dzulkifli Abdul Razak



Penerbit USIM
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan

dan

Yayasan Nurul Yaqeen
Wangsa Maju
Kuala Lumpur

2014

CETAKAN PERTAMA 2014

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia dan Yayasan Nurul Yaqeen

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM dan Yayasan Nurul Yaqeen terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM

Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-798 8226/6081
Faxes: 06-798 6083
www.penerbit.usim.edu.my
info.penerbit@usim.edu.my

Yayasan Nurul Yaqeen

No. 4, Jalan 3/27F, Desa
Setapak Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur
Tel: 03-41422902
Faxes: 03-41423713

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)**

Dicetak di Malaysia oleh:

ONLINE PRINTING NETWORK SDN. BHD.

49-B, Jalan Anggerik Vanilla N31/N
Kota Kemuning, Seksyen 31,
40460 Shah Alam, Selangor.
Tel/Faks: 03-51312458
E-mail: onlineprint@gmail.com
(U/p: En. Firdaus Abdullah- 012 687 5021)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Dzulkifli Abdul Razak, Tan Sri,

MEMUPUK INSAN SEIMBANG: CABARAN KEPEMIMPINAN /

Dzulkifli Abdul Razak.

ISBN 978-967-440-103-0

1. Islam--Study and teaching (Higher)--Malaysia.

2. Islamic leadership. 3. Leadership--Religious aspects--Islam.


II. Title.

297.0711

Perpustakaan USIM	
Donation with Best Compliments	
From	BAHAGIAN, PENERBITAN USIM
Date	4 NOVEMBER 2014

DZULKIFLI ABDUL RAZAK

Profesor Tan Sri Dato'



Dzulkipli Abdul Razak (atau singkatnya “Dzul”) merupakan Presiden ke-14 Persatuan Antarabangsa Universiti-universiti (IAU), iaitu sebuah pertubuhan gabungan UNESCO, berpangkalan di Paris. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Naib Presiden IAU yang pertama dari tahun 2008-2012. Sebelum ini, beliau merupakan Presiden Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (ASAIHL) dari tahun 2007-2008.

Sekarang ini beliau merupakan Penyanggah Kursi Kepemimpinan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga adalah Profesor Kehormat di Universiti Nottingham; dan Pengerusi bagi Majlis Pemandu Sekretariat Global bagi *Right Livelihood College* yang ibu pejabatnya di Universiti

PRAKATA

Dzulkifli Abdul Razak

Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam
Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad

Umumnya falsafah pendidikan bertujuan untuk mencari dan mendekati lagi kebenaran demi untuk memaknakan kehidupan supaya ia sempurna, bijaksana dan seimbang. Ini dapat dilakukan melalui penyatuan ilmu yang diperoleh daripada pelbagai sumber sehingga terbit keinsafan diri untuk mengenali hakikat hidup seperti yang telah difitrahkan. Ilmu yang diberkati mampu menjadi pedoman dalam hal ini apabila keluhuran tujuan falsafah pendidikan tidak dicemari. Namun kini dunia pendidikan kian bergelora hasil daripada pelbagai desakan baru, terutamanya pengaruh dan faham neoliberalisme. Kesan yang paling jelas adalah pemesongan falsafah pendidikan ke satu arah yang tidak lagi mementingkan kebenaran dan hakikat serta fitrah hidup. Kekusutan yang banyak berpunca daripada pencemaran istilah dan maksud secara sedar atau tidak merumitkan lagi keadaan. Malang lagi tidak banyak pihak yang sanggup menyanggah pertembungan ini, dan dibiarkan terus bermaharajalela. Ramai yang seolah-olah lebih selesa menelan apa yang saja yang disuap kepada minda kita bagaikan qalbu tidak lagi bermaya, dan roh mulai luntur!

Maka kita terjebak dalam satu kancah yang bakal merugikan khususnya generasi masa hadapan kerana kealpaan kita sendiri.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi saya jelas merupakan satu permulaan yang baik untuk membentengi kebanyakan daripada isu ini, tetapi memerlukan keluhuran yang mendalam sekali. Perbincangan dalam syarahan ini banyak membangkitkan soal kelompangan yang sedang berlaku sehinggakan wadah Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi kabur untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Harapannya adalah untuk membangkitkan satu kesedaran agar kemurnian Falsafah Pendidikan Kebangsaan terus dipertahankan, jika tidak pun di perkasa supaya sesuai dengan peredaran zaman demi menangkis unsur-unsur yang boleh menggagalkan hasrat Falsafah tersebut, baik yang tersurat mahu pun tersirat. Di samping itu mengharungi cabaran-cabaran baru yang boleh mengugat nyawa, generasi masa depan, harta benda apabila *aqli* tidak dipimpin dengan kebijaksanaan. Inilah dia sebenarnya amanah dan tuntutan pendidikan dalam mencari dan mendekati kebenaran yang tiada ada tolak ansurnya. Apatah lagi dalam menggembelng gabungan *naqli* dan *aqli* bagi memugar semula pandangan alam demi masa hadapan negara bangsa dan ummah sejagat.

ABSTRACT

In general, the focus of an education philosophy is a quest for truth to give a deeper meaning to life. A comprehensive guide can be achieved through the convergence of knowledge acquired from various sources that will allow the nurturing of self-consciousness in embracing life. In this way, knowledge is more intensely intertwined to serve as a beacon for illuminating the philosophy of education. This is becoming increasingly important, given the myriad pressures, including the inclination towards neoliberal principles and policies, exerted on education today.

One clear impact is the apparent diversion of the ethos of education away from the quest for truth and the search for a deeper meaning to life beyond the logic of economics alone. This seems to be rooted in a confusion in the choice of words and terms in arriving at meaning as applied to education, resulting in even greater confusion in articulating the true purpose of education. Compounding this is lack of concern in providing the right perspective so that education is not alienated from its rightful role. Most people seem resigned to passively adopt or adapt what is presented to them as though there is no other choice! Consequently we are faced with the risk of jeopardizing the future especially for the future generations due to the absence of earnest interventions on our part.

The National Philosophy of Education is well-placed to deal with many of these issues, but only if it is keenly followed through meaningfully in breadth and depth.

In this discourse, several existing gaps that could impact the goals of the National Philosophy of Education will be highlighted and discussed. The aim is to create some level of awareness to ensure that its noble intentions are firmly entrenched, if not further enhanced in meeting current challenges and future demands. It is even more important to prevent the aims from being eroded both in letter and spirit. There can be no compromise towards this end so as to ensure that its desired targets are fully met and continue to be relevant. To achieve this, the fusion of the naqli and aqli knowledge base is imperative in arriving at new worldview that will secure both the future of the nation and humanity as a whole.

PENGENALAN

Pendidikan adalah antara aspek terpenting dalam pembangunan ummah dan merupakan tuntutan utama dalam Islam. Hadis Rasulullah SAW yang menggalakkan pencarian ilmu hingga ke negara China menampakkan betapa pendidikan dan ilmu pengetahuan menjadi asas dalam beragama.

Begitu juga dalam pengamatan budaya Melayu, bak kata orang tua-tua:

Jika ada wang beli emas. Jual emas, beli berlian;
jual berlian, beli manikam. Jual manikam, beli ilmu.

Pendek kata tiada yang lebih berharga daripada ilmu.

Oleh yang demikian, tidak dapat tidak, usaha membuka peluang seluas-luasnya untuk memperoleh ilmu merupakan satu langkah yang wajar sekali terutamanya kepada pihak berwajib.

Sebagai kerangka umum, sistem pendidikan kebangsaan Malaysia dibangunkan berlandaskan kepada sekurang-kurangnya empat teras utama:

- kecapaian (akses) pendidikan
- kesaksamaan (ekuiti) pendidikan
- mutu (kualiti) pendidikan, dan
- kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan.

Berdasarkan teras utama ini, rancangan serta pelaksanaan dasar pembangunan pendidikan pula digubal berpandu kepada matlamat pendidikan seperti berikut:

- memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI)
- meningkatkan kreativiti dan inovasi dan budaya ilmu pelajar
- membudayakan sains dan teknologi dan pembelajaran sepanjang hayat
- menyediakan sistem pendidikan yang lebih cekap, berkesan dan bertaraf dunia
- menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, dan
- meningkatkan martabat pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Kerangka ini merupakan asas untuk sektor pendidikan negara berkembang dengan pesatnya. Sayugia dicatatkan yang Kementerian Pendidikan wujud sebagai satu organisasi sebelum ia terasing secara pentadbiran kepada dua mulai tahun 2004. Namun prinsip dan matlamat kedua-duanya sebahagian besar masih tidak berubah, oleh itu maklumat yang dimuatkan masih relevan daripada sumber rasmi Kementerian.

APENDIKS

Decolonising our universities: Another world is desirable

We – people from diverse countries in four continents – met in your lovely city of Penang for three days from June 27-29, 2011. We were invited by Universiti Sains Malaysia and Citizens International to discuss the future of our universities and how we could decolonise them. Too many of them have become pale imitations of Western universities, with marginal creative contributions of their own and with little or no organic relation with their local communities and environments. The learning environments have become hostile, meaningless and irrelevant to our lives and concerns.*

In all humility, we wish to convey to you the gist of our discussions. We agreed that for far too long have we lived under the Eurocentric assumption – drilled into our heads by educational systems inherited from colonial regimes – that our local knowledges, our ancient and contemporary scholars, our cultural practices, our indigenous intellectual traditions, our stories, our histories and our languages portray hopeless, defeated visions no longer fit to guide our universities – therefore, better given up entirely.

We are firmly convinced that every trace of Eurocentrism in our universities – reflected in various insidious forms of western controls over publications, theories and models of research must be subordinated to our own scintillating cultural and intellectual traditions. We express our disdain at the way ‘university ranking exercises’ evaluate our citadels of learning on the framework assumptions of western

societies. The Penang conference articulated different versions of intellectual and emotional resistance to the idea of continuing to submit our institutions of the mind and our learning to the tutelage and tyranny of western institutions.

We leave Penang with a firm resolve to work hard to restore the organic connection between our universities, our communities and our cultures. Service to the community and not just to the professions must be our primary concern. The recovery of indigenous intellectual traditions and resources is a priority task. Course structures, syllabi, books, reading materials, research models and research areas must reflect the treasury of our thoughts, the riches of our indigenous traditions and the felt necessities of our societies. This must be matched with learning environments in which students do not experience learning as a burden, but as a force that liberates the soul and leads to the upliftment of society. Above all, universities must retrieve their original task of creating good citizens instead of only good workers.

For this, we seek the support of all intellectuals and other like-minded individuals and organisations that are willing to assist us in taking this initiative further.

Thank you for hosting us, the Delegates of the International Conference on Decolonising Our Universities, June 27-29, 2011, Penang, Malaysia

**Australia, China, India, Indonesia, Iran, Japan, Malaysia, Nigeria, Philippines, Singapore, South Korea, Taiwan, Tanzania, Thailand, Turkey, Uganda.*

Untuk maklumat lanjut: www.multiworldindia.org



KURSI KEPEMIMPINAN ISLAM
TEAM GURU HAJI ALGHED YASBIT IBT MOHAMMAD

MEMUPUK INSAN SEIMBANG CABARAN KEPEMIMPINAN

...bagi melangkah lebih jauh ke hadapan, kita tidak boleh bergantung kepada corak pemikiran lama yang telah membawa kita ke tahap sekarang.

Ia sangat mencabar memandangkan kita terus terikat dengan paradigma pemikiran sumber.

Oleh itu, paradigma ini perlu diubah dan memihak kepada pandangan individu secara menyeluruh dan bukan pemilik sumber.

Ini bermakna hak ke atas keuntungan daripada sumber ini adalah sementara dan sudah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan ia tidak musnah untuk turut dinikmati oleh generasi akan datang.

- D.Y.M.M. Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Sultan Perak Darul Ridzuan

...persekitaran baharu dengan tahap saling hubungan yang semakin meningkat, peranan pemimpin juga adalah merapatkan pelbagai entiti dan menyediakan penyelesaian kepada masalah yang mempunyai pelbagai dimensi serta menguruskan pelbagai hubungan yang sering bercanggah.

- Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia



ISBN 978-967-440-103-0



9 789674 401030

<http://penerbit.usim.edu.my>